

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10302**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah dadah yang telah dirampas sepanjang tahun 2017 dan bagaimanakah prosedur pelupusan dadah-dadah ini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga September 2017, PDRM telah merampas pelbagai jenis dadah seberat 61.32 tan. Selain itu, sejumlah 3.74 juta biji pelbagai pil dadah, 84,332.92 liter pelbagai cecair dadah dan 73 pokok ganja turut dirampas serta nilai rampasan dianggarkan bernilai RM 125.82 juta.

Statistik rampasan pelbagai jenis dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 dalam unit kilogram (kg) hingga September 2017 di seluruh negara adalah seperti berikut:

TAHUN		2017 (JAN-SEPT)
Candu masak	Kg	0.11
Heroin	Kg	365.74
Ganja	Kg	1,191.13
Kokain	Kg	15.59
Kristal syabu	Kg	1,039.20
Cecair syabu	Kg	291.71
Ketamin	Kg	115.22
Serbuk ekstasi	Kg	157.65
Daun ketum	Kg	58,021.83
Daun khatinon	Kg	0.41
Serbuk disyaki dadah	Kg	103.70
Benih ganja	Kg	27.00
<b>JUMLAH KG</b>		<b>61,329.28</b>
Pil ekstasi	Biji	134,852
Pil yaba	Biji	839,728
Pil nospan	Biji	8,977
Pil erimin 5	Biji	2,684,301
Pil psikotropik	Biji	2,570
Kapsul dadah	Biji	42,960

Pil disyaki dadah	Biji	22,340
<b>JUMLAH BIJI</b>		<b>3,735,728</b>
Cecair syabu	Liter	61.70
Cecair kodein	Liter	7,158.56
Air ketum	Liter	77,031.30
Cecair dadah ( minuman )	Liter	62.50
<b>JUMLAH LITER</b>		<b>84,314.06</b>
Pokok ganja	Pokok	73
<b>NILAI RAMPASAN</b>		<b>RM 125.82 juta</b>

Sesuatu rampasan dadah hanya akan dimusnahkan setelah selesai perbicaraan di mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 406A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Dadah ini akan dilupuskan mengikut panduan yang telah digariskan dalam Bahagian D207, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN). Ketua Polis Negeri yang berkenaan bertanggungjawab untuk mengeluarkan kelulusan bagi memusnahkan dadah tersebut. Proses pemusnahan akan diselia oleh seorang pegawai kanan polis berpangkat Superintenden dan ke atas bersama 2 orang saksi dari daerah di mana dadah itu berada. Pegawai tersebut akan menandakan barang kes sebelum dimusnahkan dan menandatangani Sijil Musnah bagi setiap barang kes. Pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan wakil media dijemput untuk menyaksikan permusnahan barang kes berkenaan.

Namun, sekiranya terdapat rayuan ke atas keputusan mahkamah sama ada oleh tertuduh atau pendakwa raya dan kes di bawah Seksyen 39B ADB 1952, barang kes akan disimpan sehingga rayuan akhir kes itu selesai.